

# Op Selamat lebih praktikal ubah sikap pemandu

Musim perayaan sering dikaitkan dengan kemalangan jalan raya. Statistik menunjukkan kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat dan perkara ini terus membimbangkan.

Malasnya Ops Sikap ke-24 yang diadakan sempena Aidilfitri 2011 dirumuskan sebagai gagal mencapai objektifnya. Angka kematian yang direkodkan mencatat angka 289 kematian.

Ia angka kematian yang paling tinggi pernah dicatatkan dalam Ops Sikap. Sebelum ini rekod tertinggi dicatatkan pada Ops Sikap ke-3 pada 2002 iaitu 285 kematian.

Menyedari hakikat Ops Sikap masih belum dapat mengurangkan kadar kemalangan maut serta gagal mengubah sikap pengguna jalan raya serta mendidik mereka, maka langkah transformasi secara menyeluruh dan penambahbaikan berterusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun ini memperkenalkan Op Selamat. Ia membabitkan keselamatan awam dan tidak sekadar pemantauan di jalan raya.

Dalam hal ini kita wajar muji langkah terbaru PDRM yang memikirkan kaedah dan langkah terbaik untuk memastikan keselamatan rakyat secara keseluruhan. Malah, penjenamaan semula Ops Sikap kepada Op Selamat juga dilihat suatu



Op Selamat 1 yang dilancarkan PDRM dilihat **lebih praktikal** dari segi pelaksanaannya.

[GAMBAR HIASAN]

pendekatan yang lebih praktikal dan signifikan mengikut senario dan keadaan semasa.

## Impak besar

Kita percaya ia strategi serampang dua mata yang boleh memberi impak yang besar di mana di samping berusaha mengurangkan kadar kemalangan melalui pemantauan dan pengawasan yang lebih menyeluruh, PDRM juga dapat membanteras jenayah yang biasa berlaku pada musim perayaan.

Seperti kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar sudah semestinya objektif utama Op Selamat yang bertemakan 'Rumah Selamat, Selamat Sampai ke Destinati' ialah untuk memastikan masyarakat berasa selamat serta menyambut perayaan dengan perasaan gembira.

Malah, menurut beliau lagi, ketika melancarkan Op Selamat 1 di Dataran Shah Alam, kempen yang bermula 12 hingga 26 Ogos ini selain memberi tumpuan kepada kempen keselamatan jalan

raya ia juga akan turut meningkatkan aktiviti rondaan bagi mengelak sebarang kegiatan jenayah.

## Tepis tanggapan negatif

Langkah proaktif ini diyakini mampu menepis tanggapan masyarakat bahawa kes pecah rumah akan meningkat setiap kali tibanya musim perayaan. Dalam hal ini kita juga wajar menghargai pengorbanan anggota PDRM pada musim perayaan di mana pada tahun ini dilaporkan hanya 10 peratus anggota polis yang dibenar bercuti.

Operasi kali ini juga turut membabitkan kerjasama pelbagai agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD) dan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) sama seperti operasi sebelum ini.

Dalam hal ini harapan rakyat ialah mahu selamat pulang beraaya di kampung halaman dan pada masa yang sama segala hartा benda mereka berada dalam keadaan selamat. Maka dalam merealisasikan hasrat ini kedua-dua pihak iaitu masyarakat dan agensi penguatkuasaan perlu berganding bahu dan bekerjasama secara erat.

**Noor Mohamad Shakil Hameed,**  
Ketua Bahagian Perancangan  
Korporat Universiti Putra Malaysia.